



# **GARIS PANDUAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

**GARIS PANDUAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH:  
MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (MPU)  
KALI KE-222 (BILANGAN 21 TAHUN 2020)  
BERTARIKH 18 OKTOBER 2020**

**DISEDIAKAN OLEH:  
JABATAN SUMBER MANUSIA  
PEJABAT PENDAFTAR**



## **GARIS PANDUAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

### **PENGENALAN**

Penetapan gaji permulaan kepada semua calon atau pegawai yang dilantik ke dalam mana-mana skim perkhidmatan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) adalah sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan Pegawai) 2015, Peraturan 25 (1) - (11) dan Peraturan 26 (a) - (b) dengan beberapa pindaan atas kesesuaian di UMT.

### **Peraturan 25 :**

- (1) Pihak Berkuasa Melantik hendaklah menentukan gaji permulaan seseorang pegawai sebagaimana yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.
- (2) Jika seseorang pegawai yang akan dilantik untuk kali pertama memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan yang akan disandangnya, dia boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi.
- (3) Jika Pihak Berkuasa Melantik mempertimbangkan gaji permulaan yang lebih tinggi di bawah subperaturan (2), penentuan gaji yang lebih tinggi itu hendaklah berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman kerja yang berkaitan itu, terhad kepada gaji maksimum di gred jawatan tersebut.
- (4) Walau apa pun subperaturan (3), Pihak Berkuasa Melantik mempunyai budi bicara untuk menentukan sebahagian atau sepenuhnya bilangan tahun pengalaman kerja yang berkaitan untuk diambil kira bagi menentukan gaji permulaan yang lebih tinggi.
- (5) Pengalaman kerja yang dianggap berkaitan bagi seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional ialah pengalaman kerja yang diperoleh selepas pegawai itu mendapat kelayakan profesional atau akademik sebagaimana yang ditentukan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.

Dalam konteks penetapan gaji permulaan berdasarkan subperaturan (5) yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Melantik UMT ialah :-

#### **(i) Bagi Staf Akademik :-**

- (a) pengalaman yang diperoleh mestilah selepas seseorang pegawai itu memperoleh kelayakan profesional atau akademik sebagaimana yang ditentukan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan;
- (b) satu tahun pengalaman di dalam sektor industri (dalam bidang yang berkenaan subjek pengkhususan) adalah bersamaan satu tangga gaji dalam

skala gaji perkhidmatan (bermula daripada tarikh calon/pegawai memperoleh kelayakan profesional atau akademik);

- (c) berdasarkan Jumlah Gaji Akhir di Industri (penetapan tidak akan dijalankan/diambil kira sekiranya gaji akhir di industri adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah gaji asas yang ditawarkan oleh Universiti walaupun calon/pegawai telah memiliki kelayakan profesional atau akademik sebagaimana dalam subperaturan (a) dan (b)).

**(ii) Bagi Staf Bukan Akademik :-**

- (a) pengalaman yang diperoleh mestilah selepas seseorang pegawai itu memperoleh kelayakan profesional atau akademik sebagaimana yang ditentukan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan;
- (b) dua tahun pengalaman di dalam sektor industri (dalam bidang yang berkenaan dengan jawatan yang dilantik) adalah bersamaan satu tangga gaji dalam skala gaji perkhidmatan (bermula daripada tarikh calon/pegawai memperoleh kelayakan profesional atau akademik);
- (c) berdasarkan Jumlah Gaji Akhir di industri (penetapan tidak akan dijalankan/diambil kira sekiranya gaji akhir di industri adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah gaji asas yang ditawarkan oleh Universiti walaupun calon/pegawai telah memiliki kelayakan profesional atau akademik sebagaimana dalam subperaturan (a) dan (b)).

(6) Subperaturan (2), (3) dan (4) hendaklah juga terpakai—

- (a) bagi menentukan gaji permulaan seseorang pegawai yang belum disahkan yang kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain; dan
- (b) bagi menentukan gaji permulaan seseorang pegawai yang dilantik semula mengikut peraturan 7, 8 dan 9.

(7) Jika seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, gaji permulaan pegawai itu adalah pada mata gaji yang lebih tinggi dan paling hampir yang perbezaannya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa atau amaun yang bersamaan dengan pergerakan gaji biasa dalam gred atau jawatan terdahulu, terhad kepada mata gaji maksimum jawatan baru.

(8) Jika seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dilantik ke jawatan lain pada tarikh yang sama atau lebih awal dari tarikh pergerakan gaji pegawai itu dalam jawatan terdahulunya, pergerakan gaji jawatan terdahulunya, jika ada, hendaklah diberi terlebih dahulu, terhad kepada amaun gaji maksimum di gred tersebut sebelum menentukan gaji permulaan pelantikan itu.

(9) Gaji permulaan pegawai yang dilantik untuk kali pertama secara lantikan terus adalah berdasarkan mata gaji minimum jawatan itu.

(10) Gaji permulaan pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan yang dilantik secara lantikan terus adalah sebagaimana dalam subperaturan (9).

(11) Gaji permulaan pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan kemudiannya dilantik secara lantikan terus adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (7).

## **Peraturan 26 :**

Walau apa pun peraturan 25, Pihak Berkuasa Melantik boleh menentukan bahawa gaji permulaan bagi seseorang pegawai adalah pada mana-mana mata gaji atau suatu amaun gaji tertentu bagi suatu jawatan tertentu setelah mengambil kira —

- (a) kelayakan khas atau bakat pegawai itu; atau
- (b) hal keadaan khas yang diputuskan oleh Kerajaan berhubung dengan pelantikan pegawai itu.

## **TATACARA PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

1. Urusan penetapan gaji permulaan seseorang calon atau pegawai yang dilantik ke dalam mana-mana skim perkhidmatan di UMT adalah berdasarkan faktor-faktor berikut :-
  - (a) gred gaji jawatan berkenaan;
  - (b) kelayakan akademik, kemahiran dan kebolehan yang perlu ada dalam skim perkhidmatan berkenaan;
  - (c) pengalaman yang berkaitan;
  - (d) gaji staf dalam perkhidmatan yang mempunyai pengalaman kerja dan tanggungjawab yang sama pada ketika itu;
  - (e) gaji semasa yang diterima dan gaji yang dicadangkan;
  - (f) faktor lain yang mungkin ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMT.
2. Jawatankuasa Pemilih akan bertanggungjawab untuk mempertimbangkan urusan penetapan gaji permulaan seseorang calon atau pegawai yang dilantik ke dalam mana-mana skim perkhidmatan di UMT.
3. Pihak Berkuasa Melantik UMT akan mempertimbangkan kelulusan penetapan gaji permulaan seseorang calon atau pegawai yang dilantik ke dalam mana-mana skim perkhidmatan di UMT.

<p>Garis Panduan ini telah diluluskan oleh: Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MPU) Kali Ke-222 (Bilangan 21 Tahun 2020) bertarikh 18 Oktober 2020</p>
---

Sumber Rujukan :  
Peraturan-peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan Pegawai)  
2015